

Bangkit

ALFIYAN AKID BIN MOHD GHAUZ (3/4)
Sekolah Menengah Outram
Soalan 1

“Aidil, Aidil bangun, pergi sembahyang subuh! Dah, lekas nak!” Suara ibu Aidil lantang dan bergemuruh. Aidil tidak mematuhi pesanan ibunya dan bertindak seolah-olah dia masih tidur lalu meletakkan bantal di mukanya dan terus berdengkur seperti orang yang tidak beradab. Pintu biliknya berkeriut tanda dibuka, lalu lantai buluh pelupuh biliknya berderit tanda jejak langkah seseorang. Tanpa kesedaran Aidil, ibunya melangkah bilik tidurnya memegang sebatang rotan dan mencambuk Aidil dengan rotannya. Aidil melepaskan jeritan yang membangunkan ayam-ayam betina yang berada dalam reban berdekatan dengan rumah kampung Aidil sekeluarga.

“Ahh, kan, engkau memang perlu dirotan dahulu sebelum boleh membuat apa-apa yang disuruh, bukan?” Sindiran ibunya menyengat telinga Aidil. Sempat Aidil samakan ibunya dengan lakonan Bonda Mak Temah yang dikenali ramai di Malaysia dan negara jiran, yang merumuskan ibu-ibu Melayu sama sahaja sindiran dan gelagatnya tak kira sempadan. Aidil tergelak sedikit walaupun masih terasa kulitnya terbakar sambil membangkit dari katilnya dan terus mengambil wudhu. Setelah itu, dia masih menggosok-gosok kakinya dalam kesakitan. Namun, apabila dia memasuki bilik tidurnya kembali, dia terus menuju ke arah katilnya dan sambung beradu. Setiap hari, dia akan lakukan perkara yang sama tanpa ditangkap oleh ibunya itu.

Keesokan hari, seperti biasa, ibunya menyuruh anaknya untuk sembahyang subuh. Namun, tambahan daripada pernyataan itu, ibunya menyuruh Aidil untuk mengisikan dua bakul air dari perigi kerana tidak sempat mengumpulnya pada malam sebelumnya. Aidil berkerut dahi dan menjatuhkan bahunya tanda malas tetapi terpaksa dikikis kerana takut dirotan lagi.

Aidil menjejak keluar ke perigi yang berdekatan kubur kampungnya itu. Selalunya tatkala dada langit masih berdakwa hitam dan hanya sekadar dilengkapi lampu coloknya, Aidil tidak pernah rasa ketakutan. Namun, kali ini, entah kenapa seluruh badannya diselubungi perasaan gemuruh. Tanpa pilihan, dia mengorak langkah untuk mengambil air dari sumur itu.

Aidil menjengahkan kepalanya melihat kedalaman sumur itu lalu dia menarik tali untuk menimba air. Kedinginan embun pagi itu lebih sejuk daripada biasa, membuat bulu romanya berdiri tegak. Entah kenapa dia terasa seolah-olah ada sepasang mata yang memerhatikannya. Kakinya mula berasa lemah, peluh sejuk di dahinya diseka dengan hati-hati agar tangan satu lagi tidak terlepas tali yang diernya. Tiba-tiba derakan dahan-dahan yang rapuh kedengaran, membuat Aidil terperanjat dan terpaku. Aidil mendengar jejak tapak kaki yang mendekatinya. Kaki Aidil memerintahnya lari cabut, tetapi baldi air masih belum penuh, dan gambaran rotan di tangan ibu membuat dirinya buntu di situ. Dengan cemas, Aidil cuba menoleh kanan kiri untuk melihat punca bunyi itu. Namun, hanya semak-samun dan pokok-pokok berdekatan yang bergoyang-goyang. Mujurlah baldinya sudah penuh sebelum sempat dia nampak apa-apa jelmaan. Dia memeluk baldi itu untuk bersedia berlari berjinjit-jinjit. Tatkala dia toleh untuk mulakan larian,

muncul pula seorang wanita tua yang berambut panjang di depannya. Aidil tercegat kaku tetapi mindanya terkejar-kejar untuk mengenal pasti sama ada dia kenal wanita itu. Aidil cuak, mulutnya ternganga, matanya tertumpu pada mata nenek itu sahaja.

“Belum sembahyang subuh ya, cu?” suara nenek itu terketar-ketar tetapi dia tersenyum cengkih dan jarinya ditunding ingin menyentuh bahu Aidil. Aidil tidak dapat lakukan apa-apa. Badannya lumpuh dan akhirnya rebah ke lantai. Air dari baldi tersimbah membasahkan tanah.

Aidil kembali sedar di pondok berdekatan surau kubur. Tok Putih, pengurus dan penjaga kubur sedang memeriksa badannya untuk melihat jika ada apa-apa kecederaan. “Tok.. Tok Putih.. ada nenek...” Aidil cuba mengadu nasib. Tok Putih mengambil kain suam dan menyeka dahi Aidil. “Aidil buat apa pada masa-masa sebegini? Dah jangan risau. Nenek tu memang suka munculkan diri ingat-ingatkan orang menunaikan ibadah. Dia tak selalunya buat gangguan..”

Aidil tidak percaya apa yang didengarnya. Tok Putih jawab selamba sahaja. Macam dia tahu Aidil selalu terlepas waktu untuk bersolat. Aidil sedar kelemahan imannya menjadi punca dia tidak dapat menyelamatkan dirinya tadi.

Keesokan hari, sesuatu yang tidak dijangka berlaku.

“Ibu, Ibu, bangun ibu.. Masa untuk solat subuh,” kini Aidil yang bangkit lebih awal untuk mengejut ibunya.